

ABATE® 500 ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'organophosphate' yang tidak sistemik dan bertindak sebagai penghalang cholinesterase.

ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

TEMPAT / KEADAAN	PEROSAK	KADAR RACUN		ISI PADU SEMBURAN SEHEKTAR
		10 Liter Air	Sehektar	
Kawasan air bertakung (Tasik, kolam longkang, parit atau tempat pembiakan nyamuk).	Jejentik (<i>Culex quinquefasciatus</i> , <i>Aedes aegypti</i>)	12 ml (15 ml*)	120 ml (150 ml*)	100 liter
Dalam dan Luar Premis (Kediaman dan komersial)	Nyamuk (<i>Aedes aegypti</i>)	Ultra low volume (ULV) 160 ml	400 ml	25 liter/ha (Mist Blower / Vehicle Mounted)

*Catatan: Untuk kawasan yang terdapat banyak tumbuhan tebal atau di kawasan yang mana airnya mengandungi banyak bahan organik.

Panduan Membancuh

Disyor menggunakan alat penyembur gelas bernozel "Flat Fan" saiz 5/64" atau penyembur ULV pada tekanan 4.5 psi (saiz titisan tidak melebihi 50 makron). Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **ABATE® 500** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **ABATE® 500** di dalam alat penyembur.

Panduan Menyembur

Sembur secara menyeluruh untuk mendapatkan liputan yang baik. Ulangi semburan dalam masa 1 bulan (jika perlu) dengan menggunakan kadar yang sama. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **ABATE® 500** berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan berbeza.

BASF

We create chemistry

ABATE® 500



PEKATAN TEREMULSI (EC)

UNTUK KEGUNAAN KESIHATAN AWAM

Perawis Aktif : temephos 47.4% w/w
Perawis Lengai : 52.6% w/w

RACUN SERANGGA INSECTICIDE
(1 liter mengandungi 500 g perawis aktif)

No. Pendaftaran : LRMP. R1/8673 Kandungan Bersih:

Tarikh Mengilang : 1 liter

Tarikh Luput :

Didaftarkan oleh:

BASF (Malaysia) Sdn. Bhd. (182671-M)
No. 2, Jalan Astaka U8/87, Bukit Jelutong, Seksyen U8,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel.: 03-5628 3888 Faks: 03-5628 3777

BACA LABEL SEBELUM GUNA

Jika berlaku **KERACUNAN**,
sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:**



P(L) 09/18

AWAS: a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpakaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan.

b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN: Berpeluh, pening, sakit kepala, mual, muntah, pandangan kabur, sesak nafas, cirit-birit, kejang otot dan besar ludah.

RAWATAN KECEMASAN: Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtikarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN: Suntikkan Atropina sulfat (2-4 mg) secara intravena atau intraotot. Ulangkan setiap 30 minit hingga pesakit itu pulih sepenuhnya, kemudian suntikkan pralidoksim (1 g) secara intravena, jika perlu.

MEDICAL TREATMENT: Inject Atropine sulphate (2-4 mg) intravenously or intramuscularly. Repeat every 30 minutes until the patient is fully atropinised; then administer pralidoxime (1 g) intravenously, if necessary.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.

NO. KECEMASAN SYARIKAT Tel.: 03-5628 3999



有害品
勿貯藏在靠近食品
或兒童所接觸的地方

HARMFUL
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF
AND CHILDREN

KELAS III

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN
DAN KANAK-KANAK

நீங்கிழைப்பது
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்